

Musa: Untuk kurangkan kadar kemiskinan

Dasar bagi memajukan petani



DATUK MUSA HITAM

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Musa Hitam hari ini membentangkan Dasar Pertanian Negara (DPN) yang bermatlamat memaksimumkan pendapatan daripada pertanian dan mempergiatkan semula sumbangan sektor itu kepada pembangunan ekonomi negara keseluruhannya.

Pemangku Perdana Men-

teri berkata dalam satu sidang akhbar di sini, dasar itu akan menjadi garis panduan untuk pembangunan pertanian di Malaysia sehingga tahun 2000.

ia mengutarakan kepentingan sektor pertanian kepada ekonomi serta menghuraikan halangan yang dihadapi dalam memajukan sektor itu.

Merangkumi

Datuk Musa yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai DPN mensifatkan dasar itu sebagai sensitif kepada keperluan negara masa kini dan masa depan dan juga satu dasar yang responsif kepada arah aliran pasaran antarabangsa bagi komoditi pertanian.

"Yang penting sekali, dasar ini menjelaskan kepada rakyat tentang peluang bagi mereka menyertai bidang pertanian dan mengagihkan pendapatan yang dapat membebaskan mereka dari belenggu kemiskinan," katanya. Beliau menegaskan, kerajaan akan sentiasa mengesakan dan mengkaji prestasi pelaksanaan dasar itu semoga ia mencapai segala matlamat yang digariskan untuk membawa kesejahteraan kepada rakyat dan negara.

Menurutnya, usaha memaksimumkan pendapatan itu bermaksud meninggikan pendapatan dari kebun dan pendapatan negara.

"Konsep ini merangkumi aspek pengalihan dan pertumbuhan ekonomi yang akan dicapai melalui penggunaan sumber secara cekap," jelas beliau dalam satu sidang akhbar di Jabatan Perdana

Menteri, di sini.

Datuk Musa berkata, DPN bertujuan memaksimumkan pendapatan kebun melalui peningkatan daya pengeluaran.

Cara ini bukan sahaja akan mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar dan memperbaiki taraf hidup, tetapi juga akan membantu dalam mengekalkan tenaga buruh yang produktif di sektor pertanian, ujarnya.

Menurutnya, proses menambah pendapatan itu akan dicapai dengan meningkatkan pengeluaran tanaman eksport yang sedia ada, menggalak dan memajukan tanaman yang mempunyai potensi untuk eksport serta memaju dan meningkatkan pengeluaran tanaman untuk makanan dan industri.

Beliau berkata, pengeluaran semua komoditi pertanian, kecuali beras, akan berdasarkan kepada aspek teknikal termasuk iklim yang sesuai bagi pertanian serta pulangan dari segi ekonomi.

Halangan

Pengeluaran beras pula akan mengambil kira keselamatan bekalan makanan, negara pada keseluruhannya, tambahnya.

Pemangku Perdana Menteri berkata, strategi dan program yang sesuai akan dibentuk dengan memberi pertimbangan kepada halangan dan juga prospek yang wujud dalam sektor itu.

"Pendekatan yang digunakan sekarang, iaitu melalui pembangunan tanah baru, pembangunan khidmat sokongan dan galakan serta pembangunan sosial dan institusi, akan diteruskan dengan beberapa pengubahsuaian di dalam bentuk program dan projek," tegasnya.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia